

**TEKS UCAPAN ALUAN**

**PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI**

**YANG BERBAHAGIA**

**PROF. EMERITUS DATUK DR. RADUAN CHE ROSE**

**SEMPENA**

**MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI**

**9 MEI 2023**

**ANJURAN**

**PEJABAT JARINGAN INDUSTRI, KOMUNITI & ALUMNI [ICAN]**

**9 MEI 2023 | SELASA | 1. 30 PETANG**

**SHAH ALAM CONVENTION CENTRE (SACC)**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH ROBBIL 'AALAMIIN**

**WASOLAATU WASSALAAMU 'ALAA ASYRAFIL ANBIYAAI WAL  
MURSALIIN**

**WA 'ALAAALIHI WASOHBIBI AJMA'IN.**

- **Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr. Hajah Roziah Mohd Janor**  
Naib Canselor Universiti Teknologi MARA;
- **Yang Berbahagia Prof. Dr. Mohamad Hariri Abdullah**  
Timbalan Naib Canselor  
(Jaringan Industri Komuniti dan Alumni);
- Barisan Pengurusan Eksekutif dan Barisan Pengurusan Kanan Universiti;
- Wakil dari rakan-rakan Industri, Komuniti dan Alumni, seluruh warga ICAN UiTM yang bersama kita pada hari ini;
- dan Hadirin yang dihormati sekalian.

**[Salutasi – Kemas kini berdasarkan kehadiran]**

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,**

**Selamat sejahtera, Salam UiTM di hatiku dan Salam Malaysia MADANI.**

1. Setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta-Ala atas rahmat dan limpah kurnia-Nya, serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, dan para sahabat-sahabat baginda.
2. Alhamdulillah, dapat kita bersama-sama pada hari ini sempurna Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran ICAN. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak penganjur yang telah dalam menjayakan majlis pada hari ini.
3. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua rakan-rakan kolaborasi UiTM, baik dari industri, komuniti mahupun alumni, yang selama ini memberikan sokongan penuh dan kerjasama padu terhadap program-program anjuran UiTM.

---

## **Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati,**

4. Biarpun hari ini adalah 18 Syawal, masih belum terlambat untuk saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua hadirin, dan memohon kemaafan jika ada salah silap.

5. Setelah menyempurnakan ibadah puasa di bulan Ramadan, sambutan Aidilfitri merupakan peluang yang mana kita semua mengeratkan hubungan serta membuka lembaran baharu bersama keluarga, saudara dan rakan taulan.

6. Majlis pada hari ini amat bermakna kerana selain kita menikmati kemeriahan dan keriangannya Aidilfitri, ia juga bertujuan mengumpulkan semua pihak yang telah sama-sama berganding bahu bersama warga UiTM di dalam memberikan perkhidmatan dan sokongan sosial, intelek serta kewangan buat para pelajar, graduan dan juga masyarakat am yang memerlukan.

7. Sesungguhnya kami amat menghargai kerjasama yang daripada para rakan kolaborasi, yang terus memberikan sokongan dan pelbagai bentuk sumbangan dalam antaranya **Al-Ikhsan Sports, Celcom, Credence, Maybank, Good Virtues Co., Maxis, McDonald's, National Autism Society of Malaysia (NASOM)** dan **Pharmaceutical Industry Company (Pfizer)**.

8. Terkini, saya dimaklumkan, UiTM mendapat kerjasama dan sokongan daripada pihak **Malaysia Airlines Berhad (M.A.B), Starbucks Coffeehouse Company** dan **Foodpanda Company**. Dengan mendaftar menerusi aplikasi MyAlumni, para alumni boleh menikmati diskaun sebanyak 10% atas pembelian di Starbucks, diskaun sebanyak 15% dari MAB dan potongan sebanyak RM12.00 untuk pengguna baharu Foodpanda. Satu inisiatif yang sangat menarik.

**Hadirin sekalian,**

9. Sebagai universiti terbesar Malaysia, UiTM sememangnya amat mengalu-alukan penglibatan aktif

---

rakan-rakan kolaborasi kami sebagai agen perubahan dalam membangun negara bangsa.

10. Hubungan baik serta kerjasama erat daripada semua pihak, terutama daripada pihak industri, komuniti dan alumni pastinya dapat menyokong Universiti ke arah kecemerlangan ekosistem pendidikan tinggi negara, serta meningkatkan kebolehpasaran graduan.

11. Semoga pertemuan hari ini juga akan membuka ruang yang lebih luas untuk kita memupuk nilai-nilai keprihatinan, semangat kerjasama serta berkongsi kegembiraan dan kemajuan yang dikecapi bersama.

12. Ini akan memudahkan kita melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang digalas dengan lebih rasa ihsan, kasih sayang dan adil untuk membangun potensi modal insan yang bertanggungjawab dan berperikelakuan baik demi Malaysia tercinta.

**Hadirin sekalian,**

13. Sekali lagi saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, terimalah serangkap pantun daripada saya:

Aildilfitri hari yang mulia

Ampun dipinta sesama rakan

Ukhuwah dijalin tanda mesra

Mengerat kerjasama tali keakraban

**Sekian**

**Wabillahi Taufik Wal Hidayah,**

**Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**